

Iklan tidak berwajah Malaysia dihenti

UM: 6/7/2007
Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 5 Julai - Kabinet semalam mengambil keputusan menghentikan semua penyiaran iklan televisyen yang menggunakan seratus peratus khidmat produksi dan pelakon dari luar negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, sebaliknya Kabinet menetapkan bahawa 70 peratus kandungan iklan televisyen wajib berwajah Malaysia.

Katanya, semua pihak yang terlibat dengan keputusan tersebut akan diberi masa, sebelum pelaksanaannya dikuatkuasakan sepenuhnya, tidak lama lagi.

Beliau berkata, Kabinet bertindak demikian kerana kira-kira 80 peratus iklan yang disiarkan di televisyen ketika ini tidak menggambarkan langsung identiti negara ini.

"Keadaan ini amat merugikan negara dan kesan paling ketara ialah ia telah menutup peluang rakyat kita untuk maju dalam industri tersebut. Pendapatan industri ini dianggarkan

Kabinet menetapkan bahawa 70 peratus kandungan iklan televisyen wajib berwajah Malaysia

sebanyak RM4.7 bilion tetapi malangnya rakyat langsung tidak dapat manfaatnya.

"Oleh itu, Kabinet memutuskan semua iklan perlu lebih berwajah Malaysia iaitu pembikinan iklan perlu dilakukan oleh pengarah serta pelakon tempatan. Begitu juga pemilihan lokasi juga perlu dilakukan di negara ini," katanya.

Rais berkata demikian kepada pemberita selepas menjadi pemsyarah tamu dalam program Melahirkan Pejuang Bangsa 2007 di Kompleks Kraftangan Malaysia anjuran Yayasan Nurul Yaqeen di sini hari ini.

Menurutnya, peraturan itu bukan satu perkara baru kerana terdapat beberapa negara telah melaksanakannya.

"Seperti Indonesia, negara tersebut telah mewajibkan seratus peratus

kandungan iklan harus berwajah Indonesia. Berbanding Malaysia kita hanya mewajibkan 70 peratus sahaja," ujarnya.

Beliau berkata, kementeriannya telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan peraturan itu.

"Selepas ini, kita akan menapis terlebih dahulu setiap iklan sebelum ia siarkan. Kita akan pastikan 70 peratus kandungannya adalah berwajah Malaysia.

"Mengenai wajah pelakon, kita tidak tetapkan apa-apa asalkan pelakon berkenaan adalah warganegara Malaysia," katanya lagi.

Dalam pada itu, Rais tidak menolak kemungkinan akan terdapat beberapa pihak tertentu yang akan membuat kritikan terhadap peraturan tersebut dan kerajaan akan tetap mempertahankannya.

DR. RAIS YATIM
Menteri
Kebudayaan,
Kesenian dan
Warisan



RAIS Yatim menemui pemimpin pelajar IPT pada program Melahirkan Pejuang Bangsa 2007 di Kompleks Kraftangan, Kuala Lumpur, semalam.